

18 SEP 1998  
Komanwel-Tinju (Malaysia)  
SAPOK KINI MENGEJAR EMAS

Oleh: Mohamad Nasir Yusoff

SHAH ALAM, 18 Sept (Bernama) -- Wira Iban Sapok Biki hari ini mencipta nama sebagai peninju Malaysia pertama melangkah ke pertandingan akhir acara tinju dalam sejarah Sukan Komanwel, lantas berjanji untuk berjuang bagi menyumbang emas kepada negara Ahad ini.

"Saya akan mengejar emas untuk Malaysia pada perlawanan akhir... saya inginkan yang terbaik untuk negara kita," kata Sapok selepas menewaskan peninju England Gary Jones di peringkat separuh akhir kategori 48 kg.

Sapok, yang lebih tinggi, mencatatkan kemenangan yang meyakinkan ke atas Jones, yang lebih gempal, dengan kiraan mata 15-11 di hadapan penyokong Malaysia yang buat pertama kalinya mungkin mencapai angka 1,000 orang di Stadium Malawati.

Meraikan kemenangannya, Sapok menjulang Jalur Gemilang dan juga gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengelilingi gelanggang dengan tepukan gemuruh penonton.

Sapok akan berdepan peninju Kenya Moses Kinyua pada perlawanan akhir. Kinyua mengalahkan Roudik Kazanjian dari Cyprus.

"Kita tengoklah siapa boleh buat mata lagi banyak pada perlawanan akhir ini," kata Sapok yang diapit jurulatihnya Adun Pasu Mokhtar serta rakan sepasukan Adnan Yusoh yang tewas dalam separuh akhir kategori 54 kg dan pengurus pasukan tinju negara Abdullah Siok.

Sukan Komanwel ke 16 di sini sudahpun menjadi titik sejarah kepada sukan tinju di Malaysia kerana inilah kali pertama wakil-wakil negara mampu mara sehingga ke pusingan separuh akhir.

Semuanya empat peninju Malaysia layak ke separuh akhir tetapi hangga Sapok yang melangkah ke akhir.

Ahad ini mungkin satu lagi lembaran baru akan dicatatkan melalui Sapok, dengan sokongan padu penyokong Malaysia termasuk kehadiran bapanya Biki Kinyau, 47, dan ibunya Limah Jimba, 41 yang datang dari Sarawak.

"Kalau Dr Mahathir juga dapat datang, lagi bersemangatlah saya untuk menang emas," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI